

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa, seperti juga udara dan cahaya matahari, adalah anugerah tuhan kepada manusia yang sangat tinggi nilainya. Jika dilihat dari segi fungsi, bahasa merupakan satu struktur yang unik daripada bunyi-bunyi ucapan yang dipilih dan disusun secara sewenang untuk dipakai sebagai alat komunikasi. Dari segi bentuk, bahasa merupakan sejumlah ayat dan tiap-tiap ayat mempunyai kepanjangan yang terbatas dan dibina daripada jumlah unsur-unsur yang terbatas. Ayat-ayat yang dibentuk itu selalu menurut aturan-aturan atau rumus-rumus tatabahasa.

Rumus-rumus bahasa dibincangkan dalam bidang ilmu linguistik. Disiplin ilmu ini pula terbahagi kepada beberapa bahagian seperti Linguistik Am, Linguistik Sejarah, Linguistik Terapan, Psikolinguistik dan lain-lain (M. Simanjuntak, 1987 : 8). Manakala Seni Perkamusan adalah satu cabang daripada bidang Linguistik Terapan.

Seni Perkamusan daripada prinsip ilmunya lebih dikenali dengan istilah leksikografi. Harimurti (dalam Ibrahim Ahmad, 1993:4) menjelaskan perkataan leksikografi berasal daripada perkataan Greek ‘*leksikos*’ yakni kata dan ‘*graphie*’ yakni tulisan. Istilah Leksikografi (dieja ‘*Lexicography*’ dalam bahasa Inggeris) sudah mula digunakan semenjak tahun 1680. Istilah ini dipinjam oleh pelbagai bangsa di merata dunia. Antaranya ialah ‘*Lexicographie*’ (1698) dalam bahasa Jerman. Di Perancis, istilah ‘*Lexicographe*’ digunakan oleh Henri Estienne pada tahun 1757. Secara umumnya, ahli-ahli bahasa mentakrifkan Leksikologi dan Leksikografi ialah bidang kajian tentang penyusunan kamus, jenis-jenis kamus, kandungan kamus dan bagaimana menggunakan kamus .

Pelbagai takrif tentang kamus dikemukakan oleh para sarjana. Semua takrif itu lebih menekankan kepada penggunaan kamus. Menurut A. Teeuw (1964 : 388) perkataan kamus berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud ‘kitab’ yang memberi keterangan tentang erti kata-kata, atau lautan samudera yang dalam-dalam dan berbahaya. Abdullah Hussain pula mengatakan bahawa perkataan kamus bukan berasal daripada bahasa Arab tetapi berasal daripada bahasa Farsi (dalam Ibrahim Ahmad, 1994 : 27).

Dengan perkataan lain, kamus ialah sebuah buku yang dipenuhi dengan beberapa banyak senarai kata yang diterangkan maknanya, sama ada dalam bahasa yang sama (kamus ekabahasa) atau dalam bahasa yang berlainan (kamus dwibahasa). Biasanya entri perkataan itu disusun dalam sistem abjad.

➤

Tujuan perkembangan bidang leksikografi berbeza dari satu budaya ke satunya. Setiap budaya menaungi perkembangan kamus sesuai dengan keperluan budaya tersebut. Kamus dwibahasa yang terulung disusun di Iraq bagi sebab-sebab praktikal. Kaum Assyria yang tiba di tanah Babylon 3000 tahun dahulu menghadapi masalah memahami bahasa Sumeria. Dengan adanya sebuah kamus yang mengandungi suku kata (*syllabaries*) dengan terjemahan dalam bahasa Assyria, pelajar-pelajar Assyria dapat memahami tanda - bahasa Sumeria.

Leksikografi bahasa Arab muncul pada kurun ke-7 kerana sebab agama. Kamus disusun pada pertama kali untuk memberi penjelasan bagi menerangkan istilah agama yang terdapat dalam Quran dan Hadith.

Glosari dwibahasa bahasa Inggeris pertama wujud bagi memenuhi keperluan pendidikan. Guru-guru sekolah menyusun glosari bahasa Latin - Inggeris bagi

membantu pelajar, memahami buku teks yang ditulis dalam bahasa Latin. Kamus Amerika yang dipelopori oleh Noah Webster dihasilkan kerana semangat nasionalisme. Tetapi tujuan disertasi ini ditulis ialah untuk meninjau penggunaan kamus dalam bidang pendidikan.

Hal ini kerana dari zaman awal berlakunya pendidikan bahasa secara formal di bahagian mana pun di dunia ini, kamus memang menjadi salah satu sumber pengajaran bahasa yang penting (Awang Sariyan, 1995 : 580).

Dalam bidang pendidikan, kamus merupakan salah satu daripada bahan atau sumber pengajaran dan pembelajaran bahasa. Sumber bahasa ialah segala jenis bahan, bercetak mahupun tidak bercetak, termasuklah segala jenis peralatan yang berbentuk perisian (*software*) dan perkakasan (*hardware*), yang dapat membantu pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pusat sumber bahasa pula meliputi semua tempat yang berkaitan dengan jenis bahan dan peralatan yang menggerakkan pembelajaran bahasa, serta juga tempat di mana segala aktivitinya berkaitan dengan penggerakan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pusat sumber bahasa itu juga meliputi makmal bahasa (Rahimah Haji Ahmad dan Koh Boh Boon, 1989 : 109).

Dalam kamus, terdapat pelbagai kategori maklumat dihidangkan kepada pengguna amnya dan pelajar khasnya. Kategori maklumat ialah istilah yang merujuk kepada jenis maklumat yang pengguna boleh dapati daripada kamus, seperti ejaan, sebutan, makna, tatabahasa, etimologi dan penggunaan kata (Fadilah Jasmani, 1994 : 3).

Apakah maklumat yang dicari oleh seorang pelajar daripada kamusnya? C.L. Barnhart telah membuat kajian tentang penggunaan kamus di kalangan mahasiswa di Amerika Syarikat pada tahun 1955. Hasilnya didapati mereka menggunakan kamus terutamanya untuk mencari makna sesuatu kata. Maklumat tentang ejaan di tempat kedua. Diikuti oleh lafaz (sebutan), sinonim dan contoh pemakaian kata. Etimologi mendapat tempat yang paling rendah menurut keperluan mereka (dalam Ibrahim Ahmad, 1991: 18).

Ditinjau dari perspektif guru pula, terdapat lima aspek pengajaran bahasa di sekolah menengah yang perlu ditekankan oleh guru-guru. Aspek-aspek itu ialah lisan, bacaan dan kefahaman, karangan dan surat kiriman, merumuskan karangan dan tatabahasa. Kamus boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dalam semua atau sebahagian daripada aspek-aspek tersebut.

1.2 Objektif Kajian

Berdasarkan andaian di atas, maka kajian ini berobjektifkan berikut:

- 1.2.1 untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.
- 1.2.2 untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.
- 1.2.3 untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap penggunaan kamus apabila mempelajari bahasa.
- 1.2.4 untuk mengenal pasti masalah-masalah penggunaan kamus di kalangan pelajar.
- 1.2.5 untuk mengetahui sikap dan perspektif guru tentang penggunaan kamus dalam kelas.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengkaji mengandaikan bahawa pelajar-pelajar tidak gemar menggunakan kamus untuk mempelajari bahasa ibunda atau bahasa asing. Ini berpunca daripada sikap guru juga. Guru tidak menggunakan kamus secara maksimum dalam pengajaran bahasa. Masalah ini digambarkan melalui keputusan

peperiksaan yang rendah dalam mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Bertolak daripada objektif di atas, kajian ini dibuat untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan:-

- 1.3.1 Sejauh mana penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda?
- 1.3.2 Sejauh mana penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua?
- 1.3.3 Bagaimakah kecenderungan pelajar menggunakan kamus apabila mempelajari bahasa?
- 1.3.4 Apakah masalah-masalah di sebalik penggunaan kamus yang dihadapi oleh pelajar?
- 1.3.5 Bagaimakah sikap dan perspektif guru mengenai penggunaan kamus dalam kelas?

1.4 Kepentingan Kajian

Dalam bidang linguistik terapan, kajian berkaitan dengan leksikografi kurang mendapat liputan. Justeru itu, kajian ini mempunyai kepentingan seperti dibawah.

Kajian ini dapat memberi maklumat tentang sikap dan kecenderungan penggunaan kamus di kalangan pelajar-pelajar dalam pembelajaran bahasa, sama ada bahasa ibunda atau bahasa asing. Pihak-pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan pula dapat membuat perancangan untuk meningkatkan lagi taraf penguasaan bahasa Melayu dan bahasa asing di kalangan pelajar.

Kajian ini juga dapat memberi maklumat tentang kemahiran menggunakan kamus di kalangan pelajar. Selain itu dapat memberi penjelasan kepada pentadbir sekolah, guru-guru, para pelajar dan ibu bapa tentang pentingnya kamus dalam pengajaran bahasa.

Adalah diharapkan kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada penerbit untuk menerbitkan kamus yang bermutu dan sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di sekolah menengah. Selain daripada dapat menambahkan kajian berkaitan dengan bidang leksikografi, tinjauan ini

juga boleh dijadikan panduan dan penggerak kepada pengkaji lain dalam bidang berkaitan untuk membuat kajian berikutnya.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini dibuat di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Agama Maarif, Kota Putera, Besut, Terengganu. Jumlah populasi ialah seramai 251 orang. 80 orang pelajar dipilih secara persampelan kelompok untuk diuji. Kamus yang dikaji ialah kamus ekabahasa dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta kamus dwibahasa Inggeris-Melayu. Satu set soal selidik yang mengandungi 36 soalan dikemukakan kepada sampel. Perkara-perkara yang dikaji ialah kekerapan dan masalah penggunaan kamus di kalangan pelajar di bilik darjah atau pusat sumber. Satu analisis perbandingan tentang kekerapan dan masalah penggunaan kamus dalam bahasa Melayu dengan kamus berbahasa Inggeris akan dikemukakan di akhir penyelidikan ini nanti.

1.6 Batasan Kajian

Kajian berkaitan dengan leksikografi sangat luas skopnya. Di negara ini, terdapat pelbagai jenis kamus dengan golongan audien yang berbeza pula. Jadi

tidak tepat jika kajian ini tidak dibataskan. Oleh itu pembatasan kajian meliputi hal-hal yang berikut sahaja. Kajian ini hanya terbatas kepada penggunaan kamus di dalam kelas dan bilik sumber sahaja. Kajian ini terbatas kepada 80 orang sampel dari tingkatan empat di sebuah sekolah agama. Kamus yang dikaji ialah kamus ekabahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta kamus dwibahasa Inggeris-Melayu atau Melayu-Inggeris sahaja. Akhir sekali penulis ingin menekankan bahawa kajian ini memfokuskan kepada kekerapan dan masalah penggunaan kamus di dalam kelas.

Walau bagaimanapun, jika terdapat unsur lain yang dibincangkan, ini menjelaskan perbincangan dalam tajuk yang dibataskan. Tanpa mengaitkan unsur lain yang secara semula jadi bertumpang-tindih, kemungkinan perbincangan tentang tajuk kajian menjadi tidak lengkap.

1.7 Takrifan Operasional

Terdapat beberapa kata dan frasa tertentu yang perlu dijelaskan untuk menyenangkan kefahaman pembaca terhadap kajian ini.

1.7.1 “Penggunaan”

Kamus Dewan (Teuku Iskandar , 1970 : 332) mendefinisikan penggunaan sebagai ‘perihal menggunakan sesuatu.’ Daripada definisi itu dapatlah disimpulkan bahawa perkataan ‘penggunaan’ yang berasal daripada kata dasar ‘guna’ kemudian diberi imbuhan apitan ‘peN.....an’ itu bermaksud, satu proses menggunakan sesuatu dan dalam konteks kajian ini ialah menggunakan kamus.

1.7.2 ‘Kamus’

Kamus ialah buku yang mengandungi kata-kata yang disusun menurut abjad dan keterangan mengenai ertiannya (Teuku Iskandar, 1970 : 456). Kamus merupakan sebuah buku rujukan yang mengandungi kata-kata daripada sesuatu bahasa, yang disusun mengikut abjad, diberi makna dan keterangan lain yang berkenaan dengan kata-kata tersebut (Ibrahim Ahmad, 1993 : 4-10).

Daripada definisi-definisi di atas dapatlah dirumuskan bahawa kamus merupakan sebuah buku rujukan yang mengandungi daftar kata sesuatu bahasa yang diberi makna dalam bahasa yang sama (ekabahasa) atau bahasa yang

berlainan (sama ada dwibahasa atau aneka bahasa) dan disertai dengan penjelasan. Daftar katanya pula disusun secara abjad.

1.7.3 ‘Penyelidikan Perbandingan.’

Mengikut **Kamus Dewan**, perkataan ‘penyelidikan’ bermaksud perihal menyelidik atau pemeriksaan. Manakala kata ‘perbandingan’ atau ‘bandingan’ bererti imbangan, perimbangan persamaan atau perbezaan (Teuku Iskandar , 1970 : 68).

Sidi Gazalba (1981 : 82) mendefinisikan ‘penyelidikan perbandingan’ sebagai menyelidiki faktor-faktor tertentu yang berhubung dengan suasana atau gejala suatu perkara dan membandingkan suatu faktor dengan faktor lain dalam menganalisa hubungan sebab-akibatnya.

Dalam kajian ini, perkara yang dibandingkan ialah penggunaan kamus dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar.

1.8 Rumusan Takrifan Operasional

Tajuk kajian atau disertasi ini ialah “Penggunaan Kamus Dalam Kelas Bahasa Melayu dan Inggeris : Satu Penyelidikan Perbandingan”. Melalui penjelasan terhadap beberapa inti kata dalam tajuk ini, seperti yang diuraikan di atas, bolehlah dikatakan dengan bahasa yang mudah bahawa disertasi ini akan menerangkan tentang penggunaan kamus oleh pelajar-pelajar di dalam kelas. Penggunaan kamus di dalam kelas bererti semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa (bahasa ibunda atau bahasa asing) berlangsung. Kajian ini difokuskan kepada kekerapan pelajar menggunakan kamus dan apakah masalah yang dihadapi oleh mereka semasa menggunakan kamus. Kamus yang dikaji ialah kamus dalam dua bahasa iaitu :-

- a) Kamus umum dalam bahasa Melayu (kamus ekabahasa).
- b) Kamus dalam bahasa Inggeris sama ada kamus ekabahasa atau kamus dwibahasa (dalam bahasa Inggeris-Melayu atau bahasa Melayu-Inggeris).

Di akhir kajian nanti, satu analisis perbandingan akan dibuat antara penggunaan kamus berbahasa Melayu dengan kamus berbahasa Inggeris.

Perbincangan terhadap tajuk ini nanti tidak akan menyisihkan beberapa teori yang dikemukakan oleh sarjana bahasa sebelum ini. Jika ada pertentangan pendapat, saya akan merujuk kepada syarahan Dr. Balasubramaniam Perumal yang bertajuk “Leksikologi dan Leksikografi”, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Terus terang dikatakan bahawa hampir keseluruhan gagasan kajian ini mendapat ilham dan idea daripada kuliah tersebut. Hal ini terpaksa dilakukan kerana dalam penyelidikan yang berat begini, saya memerlukan sokongan dan bantuan kepakaran dalam bidang yang dikaji. Penulis percaya kepakaran sangat perlu untuk menguasai teori-teori tertentu yang wujud dalam bidang leksikografi.